

Tarikh iklan – 16 hb Jun 2020



**JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**



NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor - kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Sebut Harga JLN/SH/02/2020 KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH (SOIL INVESTIGATION) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN AWAM KAMUNTING, TAIPING, PERAK	TERBUKA (KHAS BUMIPUTERA) Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	i. Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori Kejuruteraan Awam, Pengkhususan CE12 Kerja Penyiasatan Tanah ii. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) iii. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera(STB) iv. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) *Sila bawa salinan sijil dan cop syarikat	Majlis Perbandaran Taiping, Tingkat 6, Bahagian Landskap, Wisma Perbandaran Taiping, 34000, Taiping, Perak Tarikh Serahan Dokumen: 17 Jun 2020 (Rabu) Hingga 23 Jun 2020 (Selasa)	Percuma	Jabatan Landskap Negara Tingkat 7 Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup Sebut Harga: 29 Jun 2020 (Isnin) Waktu: 12.00 tengah hari

TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN

Kontraktor di galakan melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen Sebut Harga bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran Sebut Harga. Dalam hal ini, sekiranya kontraktor mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah perlu dilaksanakan.

PERINGATAN :

Sebut Harga ini mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil SPKK sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak, wakil adalah TIDAK dibenarkan. Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PPK dan SPKK semasa lawatan tapak. Tarikh sah laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga tidak akan diserahkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Penyebut Harga TIDAK DIBENARKAN untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah TIDAK DITERIMA

SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapatkan di Bilik Teratai, Tingkat 7, Majlis Perbandaran Taiping, Wisma Perbandaran Taiping, 34000 Taiping, Perak pada waktu pejabat mulai **17 Jun 2020 (Rabu) hingga 23 Jun 2020 (Selasa)**.
2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 29 Jun 2020 (Isnin)** bagi **Sebut Harga No. JLN/SH/02/2020** dan Jabatan Landskap Negara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Landskap Negara juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
3. Penyebut harga hendaklah mematuhi dan mengambil langkah-langkah Proaktif untuk sentiasa mencegah penularan wabak COVID 19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan penyakit berjangkit 1988 (Akta 342) dan (Akta Polis 1967).
4. Notis di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my.



(ROTINA BINTI MOHD DAIK)

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh : **14-6-2020**